



## FBMK Sediakan Dataran Pelajar

DATARAN Pelajar (concourse) bernilai RM 175,000 sedang pesat dibina di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Menurut dekan fakulti tersebut, Profesor Dr. Shaik Mohd. Noor Alam S. M. Hussain (*gambar kecil*) tujuan dataran pelajar disediakan adalah sebagai satu langkah untuk menyahut seruan Naib Canselor baru UPM, Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie bin Bardaie yang memberi penekanan kepada kepentingan keperluan pelajar.

Prof. Shaik mengatakan bahawa, "Kita harus mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan sempurna sesuai dengan idea kampus yang bermatlamatkan *learning and living*", katanya.

Dataran yang dijangkakan siap pada penghujung bulan Ogos ini akan menjadi pusat pertemuan pelajar bukan sahaja untuk tujuan beriadah, tetapi lebih penting dari itu ia akan menjadi tempat perbincangan dan berinteraksi intelektual antara pelajar.